

Memahami Makna Persempadanan dan Pemilikan Tanah NCR oleh Komuniti Bidayuh di Sarawak

Azima A.M
PPSPP, FSSK
UKM
E-mel: azima@ukm.my

Novel Lyndon
PPSPP, FSSK
UKM

Zaimah Ramli
PPSPP, FSSK
UKM

Suhana Saad
PPSPP, FSSK
UKM

Sarmila Md Sum
PPSPP, FSSK
UKM

Yusoff Hussain
PPSPP, FSSK
UKM

Abdul Hair Awang
PPSPP, FSSK
UKM

Sivapalan Selvadurai
PPSPP, FSSK
UKM

Fuad Mat Jali
PPSPP, FSSK
UKM

Mokhtar Jaafar
PPSPP, FSSK
UKM

ABSTRAK

Isu keperluan pemilikan terhadap tanah NCR (*Native Customary Rights Land*) adalah merupakan perkara lazim yang seringkali menjadi pertikaian antara komuniti dengan agensi pembangunan. Isu ini timbul kerana ada keperluan dalam kalangan masyarakat untuk mempertahankan hak mereka terhadap tanah adat. Sejak sekian lama masyarakat adat menganggap tanah sebagai simbol kepada identiti kewujudan mereka. Sehubungan itu kajian ini bertujuan untuk meneliti maknapersempadanan dan pemilikan tanah adat dalam kalangan kaum Bidayuh di Daerah Serian Sarawak. Hal ini perlu diberikan perhatian sewajarnya bagi mewujudkan pemahaman terhadap keperluan pemilikan tanah serta makna persempadanan tanah adat dalam konteks masyarakat setempat. Sehubungan itu, tinjauan awal dengan kaum Bidayuh yang terbabit telah dilakukan di Daerah Serian. Pengumpulan maklumat secara in-depth interview dengan pemilik tanah NCR di daerah Serian telah mencetuskan beberapa makna terhadap keperluan persempadanan dan pemilikan tanah dalam kalangan mereka. Antaranya ialah berkait dengan keperluan ekonomi saradiri, solidariti dan keperluan untuk kelangsungan hidup.

Kata Kunci: Tanah NCR, pemilikan, persempadanan, tanah adat dan makna

PENGENALAN

Kebanyakan orang Asal tidak mempunyai rekod bertulis tentang sempadan menoa mereka. Mereka hanya tahu sempadan mereka melalui lisan seperti rumpun buluh. Oleh yang demikian pemahaman orang Asal terhadap makna persempadanan dan pemilikan adalah sesuatu yang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Peraturan umum tentang sempadan serta pemilikan terhadap tanah difahami mereka melalui informasi lisan yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang lain. Melalui peraturan umum, isi rumah dalam masyarakat yang pertama menebang hutan dijamin hak ke atas tanah tersebut. Hak-hak mereka terhadap tanah yang diterokai sememangnya diwarisi serta dijamin oleh masyarakat yang kemudiannya ditandai dengan sempadan semulajadi yang dikenali sebagai 'garis' seperti sungai, rabung dan mercu tanda kekal yang lain.

Oleh yang demikian penentuan sempadan yang menentukan kawasan pemakai menoa sesuatu komuniti dengan komuniti yang lain ditentukan mengikut ciri-ciri bentuk mukabumi seperti gunung, rabung, sungai, batu ataupun tanda yang lain seperti pokok tapang dan rumpun buluh. Bagi tanah umai misalnya merangkumi semua tanah yang ditanam sebagai ladang, kebun-kebun dan dusun buah-buahan. Temuda pula terdiri daripada tanah yang ditanam dengan tanaman dan juga tanah yang dahulunya ditanam tetapi telah ditinggalkan mengikut kitaran penanaman yang berpindah untuk tujuan penyuburan tanah dan pemeliharaan hutan. Tembawai pula merupakan tapak rumah panjang yang lama yang telah ditinggalkan terbiar tapi mempunyai berbagai pokok buah-buahan. Keturunan yang menanam tanaman tersebut berhak mengekalkan pemilikan tanaman tetapi tanah adalah pemilikan komuniti. Pulau Galau meliputi kawasan hutan sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya dikelilingi oleh temuda atau tanah hak adat yang sengaja dipelihara oleh individu atau masyarakat melalui generasi dan ditinggalkan tanpa dibersihkan, tidak ditanam atau diusahakan sebagai sumber untuk keperluan domestik masyarakat. Pulau Galau menyediakan komuniti rumah panjang dengan keperluan seperti kayu balak untuk pembinaan rumah, membuat keranda dan membina bot, hutan, rotan dan hasil hutan yang lain. Dalam pada itu Pulau Galau boleh dimiliki oleh satu rumah panjang atau lebih.

Dari segi undang-undang, pemakaian serta pengiktirafan sempadan dan pemilikan tanah orang Asal oleh masyarakat bukanlah sesuatu yang asing. Ini kerana sebelum wujudnya Kanun Tanah Sarawak 1958 terdapat beberapa perundangan awal yang telah dijadikan rujukan. Antaranya Perintah-Perintah Tanah 1931, Ordinan Pendudukan Tanah 1933, Ordinan Aplikasi Undang-undang 1949, Ordinan (Klasifikasi) Tanah 1948, Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan kini adalah Kanun Tanah Sarawak 1958. Umumnya Kanun Tanah Sarawak 1958 menekankan bahawa orang yang menuntut pemilikan atau kepentingan mesti mempunyai dokumen hakmilik dalam bentuk pemberian, pajakan atau lain-lain dokumen sebagai bukti hakmilik atau kepentingan. Walau bagaimanapun terdapat peruntukan bagi Tanah Adat di bawah Seksyen 5 (2) yang menghadkan penggunaan tanah adat antaranya;

- penebangan hutan dara dan pendudukan tanah yang dibersihkan;
- penanaman tanah dengan buah-buahan;
- pendudukan tanah ditanam;
- penggunaan tanah bagi tanah perkuburan atau makam;
- penggunaan tanah untuk hak cara;

Banyak pindaan telah dibuat kepada Kanun Tanah. Sebagai contoh, pada tahun 1994 pindaan telah meluluskan untuk memberi kuasa kepada menteri dalam menjaga urusan tanah untuk membatalkan hak adat berasal dari tanah. Pada tahun 1996, tanggungjawab telah diletakkan pada pihak menuntut agar membuktikan bahawa dia mempunyai hak adat kepada mana-mana tanah, ini kerana tanah dianggap sebagai milik Negeri. Pada tahun 1998, bagi membolehkan pengambilalihan tanah bagi tujuan pembangunan dan sebagainya, mekanisme untuk penilaian dan pembayaran pampasan telah dimasukkan.

Dalam pada itu Ordinan Kanun Tanah (Pindaan) 2000 telah membuat beberapa pindaan yang antaranya melibatkan definisi 'hak asli'. Sehubungan itu Seksyen 7A (1) telah memperincikan 'hak asli' kepada tiga kategori iaitu:

- hak sah menduduki menurut Seksyen 5 (1) atau (2);
- hak dan keistimewaan atas mana Rizab Anak Negeri komunal di bawah Seksyen 6 (1);

- hak dalam rizab kampung (Seksyen 7).

Pindaan tahun 2000 telah mengharmonikan proses dan prosedur yang berkaitan dengan Tanah Adat dengan agensi yang terbabit dalam konteks bermilik tanah dan yang berkaitan pampasan terhadap tanah-tanah yang telah diambilalih bagi tujuan pembangunan. Dalam masa sama pindaan tahun 2000 juga memberikan perhatian terhadap pendaftaran tanah adat. Keadaan ini sesuai dengan keperluan pembangunan kumpulan orang asal di Sarawak, namun ianya melibatkan tanah komunal milik orang asal (Azima 2014)

Keperluan tanah yang menjadi lambang mahupun identiti bagi setiap kelompok anak negeri menyebabkan pemahaman berhubung dengan makna pemilikannya dan persempadanan harus diteliti. Ini kerana walaupun terdapat undang-undang yang mengakui hak tanah adat namun didapati pihak yang berkepentingan dalam pembangunan masih lagi mempunyai definisi tanah adat bumiputra yang berbeza. Di bawah seksyen 2 (a) Kanun Tanah Sarawak, tanah adat Bumiputra (NCL) didefinisikan sebagai “tanah di mana hak adat Bumiputra (NCR) telah didapati secara komunal ataupun selainnya mengikut undang-undang sebelum 1hb Januari 1958 dan masih sah diperlakukan”. Bagi masyarakat di Sarawak yang telah menetap di tanah mereka sejak beberapa generasi maka hak mereka ke atas tanah tersebut telah diakui oleh undang-undang. Walau bagaimanapun Kanun Tanah Sarawak 1958 dilihat tidak memberi pengiktirafan sepenuhnya kepada sejarah anak negeri berkenaan adat, tradisi dan amalan-amalan komuniti dalam menetapkan sempadan tanah komunal. Pemansuhan seksyen 5 (2) (f) yang diperuntukan dalam kanun Tanah Sarawak 1958 telah memberikan lebih banyak cabaran kepada anak negeri dalam mempertahankan hak tanah adat mereka. Pertikaian yang melanda telah menyebabkan ramai dalam kalangan anak negeri telah mengambil keputusan untuk memfailkan kes mereka dimahkamah bagi mendapat pengesahan kepada tuntutan NCR mereka. Wujudnya perbezaan dalam tafsiran hak adat anak negeri antara pihak berkuasa negeri dengan komuniti anak negeri telah mencetuskan pelbagai konflik, seterusnya membawa kepada masalah berhubung kelewatan memproses permohonan dan pengukuran tanah di Sarawak. Keadaan ini akhirnya mengundang pelbagai konflik dan seterusnya mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemilik tanah adat. Sebagai contoh laporan yang disediakan oleh akhbar tempatan pada 27 May 2009, menjelaskan bahawa penduduk asal di Sarawak sedang berusaha untuk menyelamatkan tanah adat daripada terus diambil bagi tujuan pembangunan. Pindaan undang-undang tanah Bahagian 18 pada tahun 1997 yang memberikuasa kepada *Superintendent* Jabatan Tanah dan Survei untuk menyatukan tanah adat yang terbiar dengan mengisytiharkan sebagai kawasan pembangunan dianggap telah menjejaskan hak penduduk kaum asal seperti Iban, Orang Ulu dan Bidayuh malah Melayu.

Keadaan ini menjelaskan lagi keperluan terhadap memahami erti pemilikan dan persempadanan tanah adat dalam kalangan masyarakat adat. Justeru kertas kerja ini akan memberi penekanan terhadap makna pemilikan tanah yang sebelum ini dilihat telah mencetuskan beberapa isu berkaitan dengan hak masyarakat terhadap pemilikan tanah adat.

METODOLOGI KAJIAN

Tinjauan awal terhadap makna pemilikan dan persempadanan telah dijalankan di lima kampung di sekitar Serian, Kuching Sarawak. Kampung yang terlibat meliputi Kg Mongkos, Tong Nibung, Sungai Aping, Sungai Keranji dan Sungai Nibung. Pandangan terhadap makna pemilikan dan persempadanan dalam kalangan pemilik tanah NCR diperoleh melalui bantuan Tuai Rumah Panjang. Terdapat kurang lebih 15 orang pemilik tanah yang telah memberikan maklumbalas berhubung dengan makna persempadanan dan hakmilik tanah NCR bagi komuniti Bidayuh di Sarawak. In-depth interview dengan pemilik tanah adat oleh orang Bidayuh membolehkan pengetahuan mereka tentang pemilikan dan persempadanan diperoleh. Penekanan diberikan dengan meneliti elemen yang berkaitan dengan keperluan terhadap pemilikan tanah yang diiktiraf, pemahaman mengenai makna persempadanan dan pemilikan, kaedah penentuan pemilikan dan sempadan serta implikasinya.

KAWASAN KAJIAN

Kaum Bidayuh adalah masyarakat yang mendiami kawasan barat daya Sarawak, terutamanya Bahagian Serian, Kuching dan di barat Kalimantan. Kebanyakan mereka beragama Kristian. Kaum Bidayuh boleh dipecahkan kepada empat etnik iaitu:

1. Selakau/Lara (Daerah Lundu)

2. Jagoi/Singai (Daerah Bau)
3. Biatah (Daerah Kecil Padawan)
4. Bukar/Sadong (Daerah Serian)
5. Kuching Tengah / Bidayuh Baru / Bidayuh Moden (Kawasan Tengah Antara Padawan Dengan Bau) .

Pada zaman dahulu suku kaum Bidayuh tinggal di rumah panjang. Lazimnya penempatan rumah panjang suku kaum Bidayuh terletak jauh di kawasan pendalaman dan tanah tinggi. Ini adalah bagi tujuan keselamatan iaitu sukar untuk dikesan oleh musuh. Struktur rumah panjang kaum Bidayuh tidak jauh bezanya dengan struktur rumah panjang masyarakat Iban di Sarawak. Atap rumah panjang kaum Bidayuh diperbuat daripada atap rumbia atau sagu, manakala dindingnya pula daripada buluh. Pelantar atau lantai rumah panjang pula diperbuat daripada papan atau buluh manakala tiangnya pula diperbuat daripada kayu belian.

Rumah panjang masyarakat Bidayuh terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bilik utama, *awah* dan *tanju*. Bilik utama dapat kita samakan dengan ruang utama kediaman pada masa sekarang. Di dalam bilik ini masyarakat Bidayuh lazimnya meletakkan barang-barang peribadi milik keluarga dan keturunan mereka seperti gong, tempayan, tembikar dan sebagainya. Ruang ini juga berfungsi sebagai tempat tidur di kala malam hari. *Awah* pula adalah bahagian pelantar di luar rumah panjang masyarakat Bidayuh dan lazimnya ia bertutup dan beratap. Ia dapatlah disamakan dengan berandah rumah pada masa ini. Di "awah" masyarakat Bidayuh menjalankan aktiviti aktiviti harian mereka seperti menganyam, berbual, membuat peralatan bertani dan sebagainya. Ruangan *Awah* juga akan digunakan untuk sebarang upacara keagamaan seperti perkahwinan, pantang larang dan pesta-pesta tertentu seperti pesta gawai dan sebagainya. "tanju" pula adalah bahagian terluar di dalam rumah panjang masyarakat Bidayuh. Bahagian *tanju* agak terdedah dan lazimnya ia tidak bertutup mahupun beratap. *Tanju* lazimnya digunakan untuk menjemur hasil tuaian masyarakat Bidayuh seperti padi, lada, jagung dan sebagainya.

MAKNA PERSEMPADANAN DAN PEMILIKAN TANAH OLEH ORANG BIDAYUH DI SARAWAK

Bagi masyarakat Bidayuh, tanah boleh dibahagikan beberapa jenis antaranya tanah keluarga, tanah pulau, tanah kampung dan tanah makan. Pada kebiasaannya status pemilikan tanah NCR yang diwarisi secara turun temurun ini dikenali sebagai hak kampung. Umumnya tanah NCR terdapat tiga jenis tanah bagi komuniti Bidayuh iaitu tanah NCR (diwarisi turun temurun), tanah yang disukat/ukur dan tanah yang telah ditukar oleh kerajaan kepada tanah pertanian. Umumnya majoriti masyarakat Bidayuh mewarisi tanah NCR ini sebelum Perang Jepun lagi. Kaedah pemilikannya adalah melalui pewarisan daripada satu generasi ke generasi yang lain yang diakui sah oleh ketua adat iaitu tuai rumah.

Bagi masyarakat Bidayuh, penetapan pemilikan dan persempadanan tanah ditentukan oleh masyarakat melalui penggunaan sumber-sumber alam seperti pokok, sungai dan sebagainya. Antara yang biasa yang ditemui sebagai 'garis' sempadan di kawasan kajian ialah pokok buloh. Penandaan sempadan kawasan dengan menggunakan garis sempadan pokok, bukan sahaja diketahui masyarakat dalam kelompok mereka malah turut diketahui oleh kelompok suku yang lain. Justeru itu peranan yang dimainkan oleh ketua adat atau tuai rumah mahupun ketua masyarakat seperti Temenggung. Hal ini sangat penting bagi mengiktiraf hak terhadap pemilikan terhadap tanah yang telah diterokai khususnya bagi tanah-tanah adat yang telah dimiliki sejak zaman Jepun. Apa yang menarik bagi pemilikan tanah NCR ini diakuinya tanah ini kekal dan tidak bertempoh pemilikannya.

Majoriti pemilik tanah adat yang ditemui memberikan pandangan positif terhadap keperluan pemilikan dan persempadanan tanah adat secara sah dan diiktiraf. Majoriti mereka beranggapan bahawa penentuan sempadan secara teknikal dan bukannya secara lisan atau berdasarkan warisan sememangnya amat diperlukan. Penentuan sempadan dan hakmilik secara teknikal ini diperlukan bagi mengelakkan pencerobahan sempadan oleh pihak agensi pembangunan tanah yang semakin berleluasa. Hal ini jelas daripada pandangan pemilik tanah NCR di kawasan kajian, antaranya

..." pemilikan dan persempadanan penting untuk elakkan pencerobahan ..."

Di samping itu pengiktirafan pemilikan dan persempadanan secara sah juga akan memudahkan mereka untuk mendapatkan geran pemilikan tanah. Seterusnya memudahkan urusan untuk memajukan tanah mereka dengan aktiviti komersial seperti ladang kelapa sawit. Dalam pada itu ada dalam kalangan mereka yang sedar bahawa pemilikan yang jelas membolehkan mereka mendapatkan pampasan yang tinggi jika sekiranya tanah mereka diambil bagi tujuan pembangunan.

PEMAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP MAKNA PEMILIKAN TANAH DAN PERSEMPADANAN

Isu yang berlaku terhadap persempadanan tanah NCR berkait dengan masalah perbezaan tafsiran mengenai hak adat Anak Negeri yang digunakan oleh pihak berkuasa dan komuniti anak negeri. Hal ini telah menimbulkan masalah dalam proses persempadanan apabila tanah yang dianggap milik komuniti tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa dan sempadan yang ditetapkan tidak meliputi keseluruhan tanah milik anak negeri. Ini kerana sebelum Kanun tanah Sarawak 1958 diperkenalkan komuniti anak negeri ini telah mempunyai garis menoa (sempadan wilayah) mereka yang tersendiri. Namun selepas 1 Januari 1958 kerajaan telah menggunakan ciri-ciri tertentu bagi penetapan Seksyen 5 (2). Justeru keperluan terhadap makna pemilikan tanah dalam konteks pemahaman anak Negeri boleh dibahagikan kepada keperluan saradiri, solidariti dan kelangsungan hidup. Hal ini membolehkan pemahaman yang lebih holistik bagi menjelaskan kenapa pertikaian yang berkait undang-undang yang sedia ada dipertikaikan oleh anak Negeri.

TANAH SEBAGAI KEPERLUAN SARADIRI

Tanah umumnya penting sebagai sumber mata pencarian ekonomi sara diri mereka. Tanah penting sebagai kawasan untuk masyarakat mencari makanan, memburu dan memungut hasil hutan. Dalam hal ini tanah bertindak sebagai penjana ekonomi yang bergantung kepada aktiviti sara diri komuniti Bidayuh. Masyarakat Bidayuh menggunakan tanah mereka dengan tujuan kelangsungan hidup dalam aspek ekonomi dengan aktiviti sara diri mereka. Sebagai contoh mereka menanam padi bukit di tanah keluarga dan kampung. Selain itu tanah pulau pula menyumbang sebagai kawasan mereka untuk mendapatkan sumber makanan hutan seperti buah-buahan hutan, rotan dan sebagainya. Sehubungan itu tanah pulau akan memastikan bahawa sumber makanan bagi masyarakat tidak habis atau terputus. Selain itu tanah juga dijadikan tempat tinggal dan aktiviti harian masyarakat. Responden juga bersetuju dengan kenyataan bahawa tanah penting kepada kehidupan seharian dalam aspek sosial dan budaya. Hal ini jelas melalui pembahagian jenis tanah dalam masyarakat orang Bidayuh yang mana setiap satunya mempunyai fungsi yang tersendiri seperti tanah pulau (sesiapa sahaja boleh mengunapakai tanah ini), tanah kampung (dikenali juga sebagai hak kampung), tanah makan (dimiliki oleh kerabat atau suku) dan tanah keluarga (dimiliki oleh adik beradik). Sehubungan itu tidak hairan jika sekiranya tanah dikatakan menjadi “nadi bagi komuniti Bidayuh dan amat bermakna kepada mereka”.

Biarpun kini tanah telah diusahakan dengan tanaman komersial seperti kelapa sawit namun fungsi dan pembahagian tanah mengikut fahaman masyarakat Bidayuh masih lagi kekal dan tetap diamalkan. Antaranya yang penting dalam konteks kehidupan seharian mereka ialah tanah pulau. Tanah ini memperlihatkan bagaimana keperluan mendapatkan sumber hutan menjadi kegunaan bersama. Bagi mereka tanah pulau sangat penting dalam menampung keperluan harian mereka melalui aktiviti memburu serta mengutip hasil hutan.

TANAH SIMBOL SOLIDARITI MASYARAKAT BIDAYUH

Keperluan tanah sebagai pengikat antara kaum yang berkongsi tanah secara bersama menggambarkan wujudnya ikatan solidariti yang kukuh antara keduanya. Hal ini jelas apabila pemilik tanah adat yang ditemui tidak menyangkal sememangnya wujud pertalian yang mendalam diantara komuniti Bidayuh dengan tanah. Hal ini jelas apabila majoriti pemilik tanah yang ditemui bersetuju bahawa tanah dalam masyarakat Bidayuh penting dan bermakna sebagai simbol identiti mereka. Situasi ini penting bagi mewujudkan kesinambungan dari satu generasi ke generasi yang lain. Sehubungan itu tidak hairan jika sekiranya komuniti sentiasa bersatu hati untuk mempertahankan tanah mereka agar tidak diceroboh sama ada oleh syarikat swasta yang mengusahakan tanaman kelapa sawit mahupun pembalakan secara haram. Luahan pemilik tanah berhubung dengan isu pencerobahan yang meresahkan masyarakat tempatan ternyata dalam keluhan yang berbunyi;

“... saya bimbang apa kompeni ini buat di kawasan kami, ceroboh tanah keluarga saya dengan jentolak dan tolak semua tanaman untuk buka ladang kelapa sawit. Kami sudah hilang tanah kami...”

Makna yang dikongsi secara bersama dalam konteks pemilikan tanah menyebabkan hubungan antara masyarakat adat menjadi akrab dan rapat. Seringkali gaya hidup tradisional yang relevan

dengan pengetahuan dan amalan mereka terhadap tanah membawa kepada kemampunan hubungan masyarakat dengan tanah. Pertalian unik yang wujud antara masyarakat dengan tanah merupakan tonggak utama kepada identiti kolektif bagi suku kaum mereka. Hal ini jelas apabila pemilik tanah NCR yang ditemui mengakui bahawa tanah

“...tanah penting bagi mengekalkan identiti dan kebudayaan yang berkesinambungan dari generasi ke generasi..”

TANAH SEBAGAI SIMBOL KELANGSUNGAN HIDUP

Masyarakat Bidayuh mengakui bahawa tanah merupakan aset yang bermakna kepada mereka. Oleh itu tidak hairan jika sekiranya tanah memberi makna terhadap upacara keagamaan dan kebudayaan. Sebagai contoh sebelum pemakai menoa diwujudkan, masyarakat Iban misalnya akan meraikan sebuah upacara panggol menoa, iaitu upacara yang menandakan bahawa penebasan pertama hutan dara telah dilakukan dan kawasan tersebut boleh didiami dan diusahakan untuk pertanian. Masyarakat Bidayuh menganggap tanah sebagai amanah untuk dikekalkan dan diwarisi turun temurun oleh komuniti Bidayuh. Mereka juga bersetuju bahawa adat resam telah menetapkan bahawa tanah adat adalah milik komuniti selama-lamanya. Namun demikian menurut BRIMAS (1999), pengabaian dan pelanggaran undang-undang sering dilakukan oleh kerajaan negeri telah menyebabkan kebanyakan tanah adat telah dijadikan tanah ladang secara besar-besaran dan juga aktiviti pembalakan. Menurut Marcus (2008) pembukaan ladang kelapa sawit yang tidak henti-henti juga menyebabkan sumber asli seperti rotan yang berguna untuk kraftangan telah pupus dan komuniti tempatan telah hilang sumber sampingan dari kegiatan ini. Kesannya orang-orang kampung kekurangan tanah untuk kegunaan sendiri seperti menanam padi dan tanaman lain (Marcus 2008). Sekiranya tidak ditangani secara serius sudah pasti lama-kelamaan budaya dan warisan yang mereka kekalkan selama ini hilang ditelan arus pembangunan yang mementingkan keuntungan.

Implikasinya timbul pertelingkahan sesama kaum dalam usaha mempertahankan hak masing-masing yang semakin terganggu. Tambahan pula wujudnya perbezaan tafsiran mengenai hak adat anak negeri yang digunakan oleh pihak berkuasa dan komuniti anak negeri (SUHAKAM 2013). Pentaksiran yang tidak konsisten dan sempit ditambah dengan persaingan untuk tanah dan sumber asli menambahkan lagi cabaran dalam hak-hak adat orang asal (Justin Vaz 2012). Situasi ini membuktikan wujudnya pertembungan antara undang-undang adat dengan undang-undang Tanah Sarawak (Colchester 2008). Kecelaruhan mula timbul apabila dalam kalangan penduduk kerana tanah adat yang diiktiraf oleh Mahkamah Anak Negeri tetapi diperingkat kanun Tanah Negeri tanah adat hanya diiktiraf apabila mahkamah mengiktiraf surat atau geran yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah masing-masing. Hal ini menjelaskan bahawa terdapat pelbagai usaha yang dilakukan bagi mengekalkan hak mereka terhadap adat. Masyarakat dalam konteks ini perlu mempertahankan hak mereka terhadap tanah kerana sejak sekian lamanya tanah telah menjadi simbol modal sosial. Justeru kerana tanah seluruh komuniti bersatu untuk mempertahankan hak mereka.

PERBINCANGAN MAKNA PEMILIKAN VS PERSEMPADANAN

Hakikatnya tidak mudah untuk mendapatkan tanah di Sarawak, ini kerana terdapat kira-kira 1.5 juta hektar tanah hak adat bumiputra (Mohd Fuad 2012). Justeru mendapat pengiktirafan dan penghormatan hak-hak mereka ke atas tanah merupakan sesuatu yang sering diperjuangkan oleh masyarakat. Sehingga tahun 1992 usaha pemetaan masyarakat dilakukan dengan usaha oleh beberapa orang aktivis yang cuba menanda tanah adat. Melalui usaha yang dilakukan oleh BRIMAS melalui pemetaan berasaskan komuniti ini ternyata telah membolehkan tuntutan tanah adat dapat diterima sepenuhnya oleh mahkamah. Ternyata teknik pemetaan berpenglibatan telah menjadi alat yang berkuasa dalam memperkasakan masyarakat supaya kerajaan wajar mengiktiraf dan menghormati hak mereka ke atas tanah adat (Mark Bujang, 2008). Namun ordinan juruukur tanah tahun 2002 yang hanya membenarkan juruukur berlesen untuk mengukur, memberikan kuasa atau menandatangani sebarang peta melibatkan tanah NCR di Sarawak telah menyebabkan rakyat sukar untuk terlibat sama dalam persempadanan untuk membuktikan tanah milik mereka (Fazilah Majid et al 2011).

Sehubungan itu, pemahaman terhadap makna pemilikan tanah oleh pemilik perlu diperhalusi bagi mengelakkan sebarang konflik. Keperluan pemilikan dalam konteks sosial yang mengambil kira worldview masyarakat setempat harus diberikan perhatian. Tambahan pula hak mereka terhadap tanah adat telah diiktiraf sepanjang tempoh pemerintahan Brooke dan pentadbiran kolonial British. Ianya

tidak pernah dimansuhkan namun sebahagian besar tanah-tanah adat ini tidak ditandai secara rasmi. Sistem pegangan tanah yang unik serta mempunyai kepentingan yang mendalam dalam kehidupan rohani mereka menjadikan ianya sesuatu yang menarik. Bagi Colchester (2008) mengesani wujudnya pertembungan diantara organisasi sosial cara tradisional dengan organisasi sosial moden. Dalam banyak hal masyarakat masih ingin terus mempertahankan tanah adat milik nenek moyang mereka sedangkan pihak pentadbiran ingin mengambil tanah tersebut bagi tujuan pembangunan. Keadaan menjadi semakin rumit apabila masyarakat ingin menggunakan tanah adat milik mereka untuk pertanian sara diri sedangkan pihak pentadbiran mempunyai perancangan yang lebih besar iaitu menjadikan keadaan tanah itu lebih produktif dengan membuka ladang kelapa sawit (Rob dan Patrick 2011). Walaupun terdapat kerjasama dengan pihak kerajaan namun mereka agak khuatir apabila tanah tersebut dipajakkan pada pihak swasta sedangkan kerajaan bertindak sebagai pemegang amanah kepada masyarakat. Mereka mula mencurigai kerana tidak tahu cara bagaimana untuk mendapatkan semula tanah mereka kerana status mereka sebagai pemilik yang tidak jelas tambahan pula tanah tersebut didaftarkan atas nama kerajaan.

Untuk mentakrifkan semula atau mencerminkan makna sebenar hak tanah adat keadaan-keadaan yang tertentu boleh dilihat. Herperger (2010) membayangkan bahawa pemahaman terhadap sebab dan akibat khusus terhadap perubahan tanah dihat dengan menggunakan pendekatan orientasi perspektif aktor. Model ini dipengaruhi oleh tiga elemen. Tiga elemen tersebut merangkumi *gerakuasa, aktor (pemilik tanah) dan perubahan tanah*. Ketiga-tiga elemen ini saling bertindak balas yang akhirnya mempengaruhi perubahan gunatanah tanah. Tingkahlaku aktor dalam membuat keputusan dipengaruhi oleh gerakuasa yang berkait dengan keperluan polisi dan halangan tertentu. Aktor dalam model ini dikenalpasti mempunyai kuasa autonomi dan motivasi dalam mempengaruhi gunatanah. Sehubungan itu tindakbalas aktor ini akan membawa kepada perubahan apabila timbul persoalan berkait dengan "*gerakuasa manakah yang paling mempengaruhi perubahan dalam gunatanah*"

Dalam konteks pemilikan vs persempadanan tanah masyarakat Bidayah ini, aktor iaitu pemilik tanah memainkan peranan penting. Mereka mempunyai kuasa autonomi dalam menentukan sempadan tanah dalam usul menjejaki pemilikan. Kuasa autonomi pemilik tanah yang diperakui sejak zaman Brooke menjadi motivasi untuk mereka mempertahankan pemilikan. Justeru pemahaman terhadap aktor dalam konteks worldview mereka penting bagi mengelakkan konflik pemilikan dan persempadanan. Pemilikan dan penentuan sempadan yang menggunakan pengetahuan setempat dalam menentukan *garis* sempadan sememangnya unik dan hanya difahami oleh masyarakat setempat. Tambahan pula undang-undang tanah Sarawak memang mengakui tanah adat Bumiputra terhadap tanah dan wilayah yang diduduki. Namun terdapat pelbagai usaha telah dibuat untuk mengugat kesasihan hak tanah adat seperti Kerajaan Negeri melanggar undang-undang ini dengan mengeluarkan konsesi-konsesi, lesen-lesen pembalakan dan geran-geran tanah untuk perladangan komersial. Ini kerana bagi tujuan pembentukan tanah adat, geran perlu dikeluarkan. Selagi geran tidak dikeluarkan tanah tersebut akan tetap dikategorikan sebagai tanah negeri. Kerajaan negeri sarawak juga telah mengubal beberapa siri undang-undang dan pindaan dan peraturan berkait dengan tanah. Hal ini secara automatik telah menjejaskan hak tanah masyarakat orang Asal..

RUMUSAN

Secara ringkas dapat dirumuskan bahawa pemahaman dan makna pemilikan dan persempadanan dalam konteks masyarakat adalah sesuatu yang penting. Justeru tidak hairan dalam usul penentuan pemilikan dan persempadanan ketua kampung, pemanca, tuai rumah, penghulu dan temenggung menjadi organisasi pentadbiran yang sangat penting dalam konteks adat. Situasi ini menjelaskan bahawa masyarakat Asal tidak bertindak menolak pembangunan tetapi mereka mahukan hak mereka difahami dalam cara mereka. Ini kerana walaupun kebanyakan mereka tidak mempunyai rekod bertulis tentang sempadan dan pemilikan tetapi mengikut adat resam mereka ianya mempunyai maksud yang sah kerana Mahkamah Penghulu (Native Court) mengakuinya. Pada tahun 1939 kerajaan Brooke telah mengeluarkan Surat Pekeliling Sekretariat No 12 untuk merekodkan sempadan tanah secara rasmi. Rekod-rekod pembuktian pemilikan disimpan dalam Boundary Book yang menyimpan bukti bahawa tanah NCR wujud antaranya melalui tanda-tanda fizikal asal pembentukan sempadan menoa (sempadan di antara sebuah komuniti dengan komuniti yang lain).

RUJUKAN

- Azima Abdul Manaf, Novel Lyndon, Sivapalan Selvadurai, Mohd Yusof Hussain, Zaimah Ramli, Sarmila Md Sum, Suhana Saad, Mokhtar Jaafar dan Fuad Mat Jali. 2014 Cabaran tranformasi Tanah NCR: satu keperluan terhadap metod Pemetaan Berpenglibatan. *Jurnal Geografia* Vol 10 (1) : 110-117
- Borneo Resources Institute Malaysia (BRIMAS). 1999. Buku Kecil Tanah Adat Bumiputra dan Undang-Undang di Sarawak. Kuching: Sarawak
- Dimbab Ngidang.2007. Kuasa Pasaran ,Ruang Tanah Adat dan Pembangunan Tanah di Sarawak. Seminar Antarabangsa Tanah Keterhakisan Sosial dan Ekologi;Pengalaman Malaysia dan Indonesia. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-5 Disember 2007.
- Fazilah Majid Cooke, Su M. Dan Vaz, J. 2011. Making an informed choice a review of palm oil partnerships in Sabah and Sarawak, East Malaysia. *Malaysia Palm Oil Study* 25 Mei 2011.
- Hersperger,A.M, M. Gennaio,P.H. Verburg and M. Burgi. 2010. Linking land change with driving forces and actors; four conceptual models. *Journal Ecology and Society*. Vol 15 (4); 1
- Justiz Vaz. 2012. An Analysis of international Law, National Legislation, Judgement and Institutions as they interrelate with territories and areas conserved by Indigenous Peoples and Local Communities: Report 15: Natural Justice Delhi
- Marcus , C. et al. 2008. Hak-hak tanah dan Pengembangan Perladangan Kelapa Sawit di Sarawak: Forest Peoples Programme dan Perkumpulan Sawit Watch.
- Mark Bujang. 2004. Malaysia's Case Study: A Community initiative: mapping Dayak's Customary Land in Sarawak. Borneo Resouces Institute (BRIMAS).
- Majid-Cooke F. 2003. Maps and counters maps:globalised imaginings and local realities of Sarawak's plantation agriculture. *Journal of Southeast Asia Studies* 34:265-284
- Mohd Fuad et al. 2012. Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum dewan Undangan Negeri Sarawak. *Journal Geografia* 8 : 138-148.
- Rob C., and Patrick S. 2011. Shifting ground: renegotiating land rights and rural livelihoods in Sarawak, Malaysia. *Journal Asia Pacific Viewpoint*. Vol 52 (2) 136-147
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). 2013. Laporan Inkuiri Naional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli. Terbitan Suruhajaya Hak Asasi Manusia: Kuala Lumpur
- Kanun Tanah Sarawak pindaan 1994
(http://ms.wikipedia.org/wiki/Suku_Bidayuh)